

## Dadah: Rakyat Malaysia antara ditahan

20 Disember 2017

### Dadah: Rakyat Malaysia antara ditahan

**DENPASAR 19 Dis.** - Polis Indonesia menahan tiga lelaki dipercayai terlibat dalam kegiatan dadah di Bali.

Kesemua lelaki terbabit, masing-masing merupakan warga Malaysia, Australia dan Amerika Syarikat (AS) ditahan dalam tiga kes berasingan.

Ketua Pejabat Kastam Lapangan Terbang Antarabangsa Bali, Himawan Indrajono berkata, pihaknya menemukan dadah jenis methamphetamine dan ekstasi dalam botol plastik serta sebuah bekas pada bagasi milik warga Australia selepas dia tiba dari Bangkok semalam.

Sementara itu, lelaki warga AS ditahan di Pejabat Pos Bali pada 30 November kerana disyaki menerima bungkusan cecair rokok elektronik yang mengandungi tetrahydrocannabinol, sejenis bahan aktif dalam marijuana seberat 336.6 gram dari AS.

Dalam perkembangan sama, rakyat Malaysia tersebut ditahan kerana memiliki 3.03 gram daun dipercayai marijuana dan serbuk putih seberat 0.65 gram, dipercayai dadah. -

REUTERS



**SUSPEK** dadah warga Australia, Amerika Syarikat dan Malaysia dipertunjukkan kepada media ketika sidang akhbar di pejabat Kastam Denpasar, Bali, Indonesia, semalam. - AFP